

**Rang Undang-undang Umur Persaraan Swasta Dibentangkan Di Dewan Rakyat  
Pada Jun Ini  
Bernama  
19 April , 2012**

PUTRAJAYA, 19 April(Bernama) -- Rang Undang-undang Umur Persaraan Swasta bagi menaikkan had umur persaraan sehingga 64 tahun dengan had bersara mandatori 60 tahun, dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada Jun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Mazlan berkata draf itu telah dihantar ke Pejabat Peguam Negara untuk diperhalusi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 kepada 636 warga kementerian itu bagi pihak Menterinya Datuk Seri Dr S. Subramaniam, di sini Khamis.

Pada masa ini, tiada peruntukan khas mengenai persaraan wajib bagi sektor swasta.

Di bawah undang-undang yang sedang digubal itu, seorang pekerja hanya akan bersara wajib apabila mencapai umur 60 tahun dan jika khidmatnya masih diperlukan, tempoh perkhidmatan boleh dilanjutkan selama empat tahun lagi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660300>